




**JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**KERTAS KERJA**

**PERMOHONAN  
PINDAH MILIK TANAH  
ATAS TALIAN  
(ONLINE)**



Disediakan oleh:  
Dayang Norzanah binti Haji Hambali  
Ketua Bahagian Teknikal dan Maklumat Tanah  
Jabatan Tanah  
Kementerian Pembangunan  
Negara Brunei Darussalam

## 1. SINOPSIS

Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam, merupakan Jabatan yang mengendalikan proses hal ehwal tanah. Setakat ini lebih daripada dua puluh jenis permohonan hal ehwal tanah daripada orang awam dan pihak kerajaan telah diproses di Jabatan Tanah. Sebahagian daripada permohonan-permohonan tersebut mengambil masa lebih daripada 6 bulan untuk diproses (mendapat pertimbangan). Kelewatan (jangka masa yang lama) permohonan untuk mendapat pertimbangan ini sering menjadi rungutan orang ramai. Antara permohonan yang mengalami proses kelewatan ini adalah permohonan pindah milik tanah.

Kaedah proses pindah milik yang dikendalikan terdahulu adalah menggunakan borang khas yang dikenali dengan **Borang Pindah Milik Tanah**. Terdapat dua (2) jenis borang telah disediakan iaitu Borang A (pemberi milik) bagi pemilik tanah yang berhasrat untuk menyerahkan bahagian tanah mereka dan Borang B (penerima milik) adalah bagi pemohon yang bakal menerima milik tanah tersebut. Selepas mengisi borang permohonan, mereka hendaklah menyerahkan borang tersebut yang telah lengkap kepada Jabatan Tanah di mana kerani pindah milik akan memasukkan semua data ke dalam Sistem Pendaftaran Tanah dan memproses permohonan untuk mendapatkan keputusan kebenaran daripada Sultan dalam Majlis Mesyuarat melalui Kementerian Pembangunan. (Bab 23 Akta Kanun Tanah Penggal 40)

Kaedah ini dilihat mempunyai kelemahan tertentu, antaranya ialah kebanyakan Borang tidak lengkap diisikan disebabkan pemohon kurang memahami dengan tatacara mengisi borang permohonan tersebut, pemohon perlu menunggu giliran untuk menghadapkan Borang di kaunter-kaunter menerima borang dan masa untuk pemohon adalah terhad pada masa dan hari waktu berkerja sahaja.

Menyedari akan kelemahan ini, menunjukkan ianya ada keperluan untuk mempertingkatkan kecekapan dalam proses permohonan pindah milik. Antara langkah untuk menangani perkara ini adalah dengan memperkenalkan Sistem Permohonan Pindah

Milik Tanah Atas Talian (*Online*). Pemohon untuk mengemukakan permohonan mereka dengan melayari laman sesawang [www.laris.gov.bn](http://www.laris.gov.bn) di mana data akan disimpan dalam pengkalan data Sistem Pengurusan Tanah (*Land Management System*). Sistem ini diperkenalkan untuk memudahkan pemohon menghadapkan permohonan pada bila-bila masa dan di mana dengan kemudahan *network connection*. Sistem ini adalah dipercayai berkemampuan untuk mempercepatkan proses, mengurangkan kos dan menjimatkan masa.

## 2. PENDAHULUAN

### 2.1 LATAR BELAKANG KERTAS KERJA

Jabatan Tanah Negara Brunei Darussalam dengan visi untuk mencapai 'penggunaan tanah yang optima', memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan sistem yang cekap, berkesan dan menjimatkan urusan hal ehwal tanah.

Permohonan pindah milik tanah adalah di antara permohonan yang sering menjadi tumpuan orang ramai untuk memajukan tanah-tanah mereka. Sejak pengenalan Kanun Tanah 1909, Penggal 40, beberapa kaedah telah diperkenalkan untuk mempercepat proses ini. Dalam kertas kerja ini memaparkan satu peralihan kaedah atau tatacara pemprosesan pindah milik tanah iaitu dari manual kepada penggunaan Teknologi Maklumat (IT).

Dalam tatacara proses pindah milik secara manual, segala dokumen adalah menggunakan *hardcopy* sementara proses dengan penggunaan IT adalah proses atas talian (*online*) menerusi laman sesawang [www.laris.gov.bn](http://www.laris.gov.bn). Segala data akan disimpan dengan selamat di dalam pengkalan data Sistem Pengurusan Tanah (LMS). Sistem ini tidak mengubah sebarang proses aliran pertimbangan dari pihak yang memberikan sokongan (Kementerian Pembangunan) dan pihak berkuasa yang mempertimbangkan (Sultan dalam Majlis Mesyuarat).

Sistem Permohonan Pindah Milik Tanah Atas Talian (Online) telah mula dilancarkan pada 16hb. Februari, 2018. Walaubagaimanapun, ianya telah mula dimandatorikan kepada Peguam (wakil pemilik tanah) mulai 1hb. Mei, 2016 dan mandatori kepada pemilik tanah mulai Februari, 2017. Sistem ini juga telah diambil kira oleh World Bank dalam menyumbang kepada *ranking* Ease Of Doing Business (EODB) dalam "Registering Property" yang mana *ranking* pada tahun 2016 ialah 148 manakala pada tahun 2017 ranking tersebut naik kepada 134.

## 2.2 KEUPAYAAN

Ianya adalah jelas bahawa berasaskan keadaan semasa, terutamanya untuk mengendalikan permohonan pindah milik tanah, memerlukan sepenuhnya sistem berkomputer yang lebih canggih dengan tujuan untuk mengurangkan masalah. Pertama-tamanya, tempoh proses permohonan keseluruhan, yang biasanya mengambil masa lebih daripada enam bulan untuk menyiapkan, perlu dikurangkan kepada kira-kira tiga bulan sahaja. Satu proses yang panjang menyebabkan beberapa kesan buruk seperti penangguhan pembinaan rumah atau bangunan yangmana proses kebenaran memakan masa yang agak lama. Selain itu, sementara menunggu keputusan daripada pihak yang berkuasa, terdapat kes perceraian, kebangkrapan dan pemohon meninggal dunia yangmana sering mengakibatkan permohonan yang tertunda. Terdapat juga masalah pemohon kurang faham dalam mengisi borang-borang atau borang-borang yang diisikan tidak lengkap menyebabkan permohonan tertangguh untuk diproses kerana memerlukan maklumbalas daripada pemohon. Kertas kerja ini boleh menunjukkan peningkatan proses permohonan pindah milik atas talian yang menjimatkan masa, tenaga dan kewangan kerajaan dan pelanggan.

## 2.3 TUJUAN

Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan potensi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk mengurangkan tempoh masa pemprosesan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan mesra pelanggan (*user friendly*). Kertas kerja ini akan meningkatkan kecekapan operasi dengan memperkemaskan sistem dan proses pengurusan maklumat, mengurangkan proses-proses kerja, dan tempoh masa pemprosesan selama enam bulan kepada kira-kira tiga bulan sahaja. Ini adalah selaras dengan dasar e-Kerajaan Negara Brunei Darussalam, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan perkhidmatan yang cepat, mudah dan boleh dipercayai.

#### 2.4 RASIONAL

Kertas Kerja ini akan menjanjikan potensi besar permohonan atas talian (*online*) untuk menyediakan lebih akses kepada data yang lebih boleh dipercayai, tepat dan maklumat yang cepat pada masanya serta masa penghantaran perkhidmatan segera. Kertas kerja ini adalah salah satu metodologi pembangunan perisian sebagai satu pendekatan untuk digunakan dalam memperbaiki sistem semasa menggunakan prototaip sistem yang direka untuk menjalankan ujicuba dengan lebih berkesan.

### 3. . PENGENDALIAN KERTAS KERJA

#### 3.1 TUJUAN

- Mempertingkatkan Sistem Pendaftaran Tanah (LRS) yang sedia ada
- Membangun Sistem Pengurusan Tanah (LMS) yang akan menambahbaikkan Sistem Pendaftaran Tanah (LRS) yang sedia ada
- Sistem Pengurusan Tanah (LMS) digunakan oleh Jabatan Tanah termasuk Pejabat Tanah Daerah Brunei Muara, Pejabat Tanah Daerah Tutong, Pejabat Tanah Daerah Belait, Pejabat Tanah Daerah Temburong; Kementerian Pembangunan (Pejabat Setiausaha Tetap dan Divisyen Guna Tanah, Perumahan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan) dan Jabatan Perdana Menteri.
- Memenuhi keperluan *stakeholders* yang terdiri daripada pemilik-pemilik tanah, peguam, pemaju, penaksir swasta, agen hartanah, orang ramai dan pihak kerajaan.

#### 3.2 PENGUMPULAN MAKLUMAT / DATA

##### 3.2.1 MAKLUMAT TEKNIKAL

Hardware dan Software yang digunakan di dalam Sistem Pengurusan Tanah (LMS) bagi memproses permohonan pindah milik tanah atas talian (*online*) adalah seperti berikut :-

##### ***HARDWARE***

- CRM Servers
- SharePoint Servers
- Backup Servers

##### ***SOFTWARE***

- CRM – Central Relational Management
- SharePoint
- Adobe Reader


Permohonan pindah milik tanah atas talian yang diterima dan diproses menggunakan CRM secara dalaman oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Tanah dan Kementerian Pembangunan. Proses ini akan dilaratkan kepada pengguna di Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan kebenaran pindah milik tanah.


“*Full Backup*” dilaksanakan setiap hari oleh Bahagian Teknikal dan Maklumat Tanah yang bertanggungjawab bagi keselamatan data-data yang terdapat di Jabatan Tanah.




### 3.2.2 MAKLUMAT PROSES KERJA


**RAJAH 1 : PROSES ALIRAN KERJA PINDAH MILIK TANAH SECARA MANUAL (MENGUNAKAN BORANG)**







**RAJAH 2 : PROSES ALIRAN KERJA PINDAH MILIK TANAH ATAS TALIAN  
(ONLINE)**




### 3.2.3 MAKLUMAT PERMOHONAN PINDAH MILIK TANAH ATAS TALIAN (*ONLINE*)

#### i. TATACARA PERMOHONAN PINDAH MILIK TANAH ATAS TALIAN (*ONLINE*)

1. Pemilik Tanah atau Peguam hendaklah terlebih dahulu mendaftar akaun *e-Darussalam* melalui laman sesawang Land Application and Registration Information System (LARIS).
2. Akaun tersebut hendaklah diaktifkan melalui kaunter-kaunter Pejabat Tanah semua daerah, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
3. Sistem LARIS sedia untuk diakses melalui laman sesawang LARIS.gov.bn dan seterusnya ‘**Sign In**’
4. Memilih Jenis Permohonan Tanah
5. Mengisikan Borang secara atas talian
6. Memuat naik dokumen-dokumen asal yang relevan yang telah diimbas dalam format *pdf* mengikut senarai semak jenis Permohonan.
7. Semua maklumat yang diisikan mestilah benar dan betul sebelum menekan "**Submit**". Jika belum pasti, tekan butang "**Save**" terlebih dahulu untuk menyimpan sementara maklumat yang telah diisikan.

ii. **PEMOHON MENGHADAPKAN PERMOHONAN PINDAH MILIK TANAH ATAS TALIAN (ONLINE)**



**LARIS (LAND APPLICATION AND REGISTRATION INFORMATION SYSTEM)**

Utama: Manual Pemohonan dan Pendaftaran Tanah atau dikenal sebagai **LARIS (LAND APPLICATION and REGISTRATION INFORMATION SYSTEM)** membolehkan Pemilik Tanah atau Peguam memohon membuat permohonan tanah di pejabat Tanah Kementerian Pembangunan yang diproses melalui permohonan atas talian atau online land application.

Pemohonan berkenaan adalah seperti berikut:

1. Pindah Milik Tanah
2. Tukar Syarat Khas Tanah
3. Gadai Tanah kepada Institusi Kewangan
4. Pajakan Tanah Persendirian (Lebihi 1 Tahun)
5. Menyambung Tempoh Pajakan Tanah Persendirian



**Pindah Milik Tanah**

Untuk memohon pemindahan hak pemilikan tanah di pejabat Tanah, anda perlu mengisi formulir permohonan, mengemukakan dokumen-dokumen yang diperlukan dan membayar caj permohonan.

Untuk permohonan pindah milik, anda boleh memohon melalui portal LARIS atau datang ke pejabat Tanah di pejabat Tanah Kementerian Pembangunan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pejabat Tanah di pejabat Tanah Kementerian Pembangunan atau hubungi pejabat Tanah di pejabat Tanah Kementerian Pembangunan.

NO. SIP: 00-076152 Sipit, Lot: 06738	Kod Buletin: BE, EDC, No. Usk, Lot	SERA TOWN 10283 BLAST 06738	Motok, Kampung, Kod Daerah	LIANG SUNGAI LIANG BELAIT
---	------------------------------------	-----------------------------	----------------------------	---------------------------

IC Pemohon: 00-076152	Jenis Pemohonan: Pindah Milik Tanah	Status Pemohonan: Dada	Jenis Pemilikan: PERSEORANGAN
-----------------------	-------------------------------------	------------------------	-------------------------------

Beroperasi Sebagai:  Pemilik  Peguam

Lot: PL 17196710

**Pindah Milik \***

Perjual/Pembeli	Pemosi	Ketuisan (Keti)	Harga Jualan (RM)	Keterangan Perjual/Pemosi	Keterangan Pembeli/Penerima	Pemohonan	Daerah
00-076152	30-09-2024	2	0	1. Mengetuai 2. Mengetuai Atas Nama 3. Mengetuai Atas Nama 4. Mengetuai Atas Nama	1. Pihak yang Berusaha SPP 2. Pihak yang Berusaha SPP		


**Dokumen Sokongan**  Klik untuk maklumat

Sila masukkan senarai fail sokongan (Maksimum 100MB). Dokumen yang tidak sah akan diabaikan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pejabat Tanah di pejabat Tanah Kementerian Pembangunan.

**Maklumat Saudara**

RelationShip: Husband	IC Number: 00-110041
-----------------------	----------------------

iii. **JABATAN TANAH MENERIMA PERMOHONAN PINDAH MILIK TANAH ATAS TALIAN (ONLINE)**



**3.3 HASIL PENEMUAN**

Permohonan Pindah Milik Tanah Atas Talian (Online) telah memudahkan orang ramai, terutama sekali, pemilik tanah dan peguam (wakil pemilik tanah) untuk menghadapi permohonan pindah milik tanah tanpa perlu membeli borang-borang pindah milik atau memuat turun borang-borang tersebut (Borang A bagi pemilik tanah atau penjual atau pemberi milik dan Borang B bagi pembeli atau penerima milik) dari laman sesawang Jabatan Tanah secara percuma. Mereka juga tidak perlu hadir ke Jabatan Tanah untuk menghantar borang tersebut. Mereka hanya perlu melayari laman sesawang [www.laris.gov.bn](http://www.laris.gov.bn) dengan menggunakan akaun e-Darussalam dan menghadapi permohonan dengan mengisikan borang secara atas talian (*online*).

Perangkaan sebelum dan selepas Permohonan Pindah Milik Atas Talian dilancarkan pada 16hb. Februari, 2016 ada dilampirkan di **LAMPIRAN 1** dan **LAMPIRAN 2**.

### 3.4 IMPLIKASI DARI SEGI KOS, KEWANGAN, PRODUKTIVITI, PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN

Memandangkan pemilik tanah atau pihak peguam tidak perlu hadir ke Jabatan Tanah untuk menghantar borang tersebut, ini sudah tentunya menjimatkan masa, tenaga dan kewangan pemilik tanah dan pihak peguam. Pemilik tanah dan pihak peguam hanya perlu mengisikan borang permohonan di rumah atau di ofis atau di mana saja dalam keselesaan tanpa perlu ke Pejabat Tanah dengan mencari ruang letak kereta dan beratur menunggu giliran untuk dilayan oleh kerani kaunter. Mereka juga tidak perlu beratur untuk membeli borang permohonan atau memuatturun daripada laman sesawang Jabatan Tanah.

Kerani kaunter tidak perlu melayan dan memasukkan maklumat tersebut ke dalam sistem. Maklumat-maklumat yang diisikan oleh pemohon telahpun masuk ke dalam sistem LMS secara *automatic*. Kerani kaunter hanya perlu menyemak semula borang permohonan pindah milik tanah tersebut tanpa perlu diisi semula ke dalam sistem. Ini mengurangkan *duplication* maklumat.

Semua dokumen yang dimuatturun tidak lagi perlu dicetak secara *hardcopy*. Ini boleh menjimatkan kos dalam pembelian kertas dan dakwat mesin pencetak seperti di bawah :-

#### STATISTIK PERBEZAAN TK 2016/2017 & TK 2017/2018 PENGUNAAN DAN PEMBELIAN KERTAS

BAHAGIAN	TK 2016/2017	TK 2017/2018	% KENAIKAN/ PENURUNAN
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	50	45	-10%
PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN TANAH	85	81	-4.7%
KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN	60	40	-20%
PENAKSIRAN	65	55	-15.4%
PENGURUSAN DAN PELUPUSAN TANAH	50	45	-10%
PENDAFTARAN	270	240	-30%
TEKNIKAL DAN MAKLUMAT TANAH	50	50	-
PEJABAT TANAH DAERAH BRUNEI DAN MUARA	120	128	6.7%
PEJABAT TANAH DAERAH TUTONG	75	83	10.7%
PEJABAT TANAH DAERAH BELAIT	90	115	27.8%
PEJABAT TANAH DAERAH TEMBURONG	55	65	18.2%
<b>JUMLAH PENGGUNAAN KESELURUHAN (KUANTITI):</b>	<b>971</b>	<b>1003</b>	<b>3.3%</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN KESELURUHAN:</b>	<b>\$4,660.80</b>	<b>\$4,814.40</b>	<b>3.3%</b>



**STATISTIK PERBEZAAN TK 2016/2017 & TK 2017/2018**

**PENGUNAAN DAN PEMBELIAN INK/TONER**

BAHAGIAN	TK 2016/2017		TK 2017/2018		% KENAIKAN/ PENURUNAN
	QTY	JUMLAH PERBELANJAAN	QTY	JUMLAH PERBELANJAAN	
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	48	\$3,182.75	27	\$1,349.00	-57.6%
BAHAGIAN PERMOHONAN DAN PENGGUNAN TANAH	12	\$1,277.75	8	\$586.00	-54.1%
BAHAGIAN KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN	3	\$534.00	0	-	-100%
BAHAGIAN TEKNIKAL DAN MAKLUMAT TANAH	0	-	1	\$382.00	-
BAHAGIAN PENDAFTARAN	14	\$2,626.00	19	\$2,785.00	6%
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PELUPUSAN TANAH	7	\$666.00	1	\$65.00	-90.2%
BAHAGIAN PENAKSIRAN	1	\$93.00	0	-	-100%
PEJABAT TANAH DAERAH BRUNEI DAN MUARA	41	\$4,118.25	38	\$2,644.20	-35.8%
PEJABAT TANAH DAERAH TUTONG	26	\$3,129.25	31	\$3,484.00	11.3%
PEJABAT TANAH DAERAH BELAIT	16	\$1,600.00	11	\$850.00	-46.9%

PEJABAT	TANAH				
DAERAH	4	\$627.00	8	\$420.00	-33%
TEMBURONG					
<b>JUMLAH</b>					
<b>KESELURUHAN:</b>	<b>172</b>	<b>\$17,854.00</b>	<b>144</b>	<b>\$12,565.20</b>	<b>-29.6%</b>

Permohonan Pindah Milik Atas Talian ini juga meningkatkan produktiviti kakitangan yang bertugas yang mana lebih banyak masa boleh ditumpukan kepada tugas pejabat yang lain. Di antara tugas-tugas kerani Unit Pindah Milik, Bahagian Pendaftaran ialah seperti memfailing, memproses permohonan-permohonan pentadbir, waris, geran hilang/koyak/hangus, membebaskan jagaan, pembedulan maklumat dalam geran tanah dan lain-lain.

Memandangkan *duplication* maklumat berkurangan, sistem ini juga telah dapat mengurangkan kesilapan (*human error*) dalam memberikan maklumat kepada pemohon. Maklumat perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai lebih tepat dan diperolehi lebih cepat.

Bagi perancangan strategik Jabatan Tanah ianya termasuk di dalam “Integrasi Perkhidmatan”, “Pemantapan Proses Kerja” dan “Pendekatan Masyarakat / *Community Outreach*”.

### 3.5 ULASAN

Usaha Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan bagi bersedia berkhidmat dan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang, permohonan pindah milik tanah secara atas talian (*online*) telah diungkapkan bersama dengan Electronic Government National Center (EGNC), Unit Teknologi Maklumat (IT) Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perdana Menteri. Permohonan-permohonan lain atas talian (*online*) selain pindah milik tanah adalah permohonan tukar syarat khas tanah, permohonan gadaian kepada institusi kewangan,

permohonan pajakan tanah persendirian dan permohonan menyambung tempoh kelamaan geran tanah.

Permohonan Pindah Milik Tanah secara atas talian (*online*) termasuk di dalam senarai World Bank untuk Registering Property bagi *ranking* Ease of Doing Business (EODB) sejak tahun 2016.

#### 4. CADANGAN DAN SOKONGAN

Permohonan Pindah Milik Tanah atas talian (*online*) berserta 4 permohonan lain telahpun menunjukkan keberhasilan yang cemerlang kepada pelanggan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan. Dicadangkan supaya permohonan-permohonan lain yang masih diproses secara manual dinaiktaraf untuk membolehkan permohonan secara atas talian (*online*) dilaksanakan.

Ianya sesuai dengan Misi Jabatan Tanah iaitu “Mendaftar, Mengurus dan Mentadbir Hal Ehwal Tanah Untuk Menjamin Sosio-Ekonomi Negara”. Manakala Visi Jabatan ialah “Penggunaan Tanah Yang Optima”.

Sokongan padu dan kerjasama daripada pihak pengurusan Jabatan Tanah berserta dokongan daripada pihak Kementerian Pembangunan untuk meneruskan usaha bagi mempertingkatkan sistem-sistem yang sedia ada kepada *web-based system* adalah penting dalam menjayakan usaha kearah ini.

## 5. KESIMPULAN

Tujuan utama kertas kerja ini adalah untuk memanfaatkan potensi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk mengurangkan masalah terutamanya kelambatan proses dan menyediakan perkhidmatan yang lebih bersistematik, cekap, mudah dan responsif. Objektif kertas kerja ini adalah merekabentuk penjadualan sistem pengkalan data dan melaksanakan laman sesawang (*website*) bagi memproses permohonan pindah milik tanah. Di samping itu terdapat keperluan untuk menghasilkan dokumentasi lengkap untuk sistem tersebut yang mana akhirnya, objektif projek boleh dicapai sepenuhnya. Sistem ini telah direka melalui *rapid assessment* (RA), analisis sistem (*Analysis*) dan reka bentuk (*Design*), pembangunan (*Develop*), uji cuba (*Testing*) dan perlaksanaan (*Implementation*).

Kertas kerja ini memberikan pengalaman pengurusan projek perisian, merekabentuk sistem dan pengkalan data, pengekodan aplikasi berasaskan web menggunakan CRM, SharePoint dan MySQL serta menghasilkan laporan mutakhir. Di samping itu, kertas kerja ini menyediakan peluang untuk pendedahan diri dalam cabaran dunia sebenar teknologi atas talian (*web-based*). Diharapkan kertas kerja ini akan digunakan untuk membangunkan lebih banyak sistem atas talian (*online*) bagi permohonan-permohonan lain yang diproses oleh Jabatan Tanah untuk memenuhi keperluan pelanggan dan kepuasan hati pelanggan dengan mengurangkan tempoh masa memproses permohonan mengenai urusan hal ehwal tanah.